

TARIKH : 3.8.2019 (SABTU)
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Libat urus Pusat, negeri dimasuk dalam RMKe-12

Georgetown: Kerajaan Persekutuan akan terus menjalankan sesi libat urus dengan kerajaan negeri bagi mengenal pasti keperluan dan usaha terbaik dalam usaha merancang serta mempelbagaikan sektor ekonomi negara.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sesi itu diharap dapat menghasilkan persefahaman antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, selain ia akan diperhalusi sebelum dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan dibentang di Dewan Rakyat, pada September 2020.

Katanya, sesi berkenaan juga bertujuan untuk menghasilkan dasar ekonomi serta kerjasama kedua-dua pihak dalam mewujudkan projek berimpak tinggi, sekali gus mampu menjaga kepentingan rakyat.

"Kita terima pelbagai cadangan projek daripada kerajaan negeri yang akan disesuaikan, selain maklumat mengenainya akan dibuat kementerian, jabatan atau agensi berkaitan.

"Kita tak mahu jadi seperti kerajaan terdahulu yang mungkin tidak mengadakan sesi libat urus bersama kerajaan negeri hingga menyebabkan banyak projek tergendala.

"Ia mungkin kerana projek disediakan tidak bersesuaian dengan keperluan negeri," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dan EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Afif Bahardin.

Mohamed Azmin juga menafikan dakwaan bahawa Pulau Pinang terus dianaktirikan dan



Mohamed Azmin bersama Kon Yeow pada Mesyuarat Sesi Libat Urus Penyediaan RMKe-12 Bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Georgetown, semalam.

(Foto DANIAL SAAD/ah)

menjelaskan pelbagai projek bagi negeri di wilayah utara dirangka menerusi perbincangan bersama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCER), menteri besar dan ketua menteri.

"Apa juga perancangan dan projek dipertimbang adalah untuk memperkukuhkan semua negeri di utara Semenanjung," katanya yang juga Ahli Parlimen Gombak.

Ditanya sama ada projek transit aliran ringan (LRT) di Pulau Pinang akan dimasukkan dalam RMKe-12, beliau berkata ia sudah pun dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

"Kita sentiasa menyokong usaha kerajaan negeri dalam mengu-

rangkan tahap kebergantungan bagi kenderaan peribadi dan ia (LRT) adalah lebih ke hadapan dengan perkara ini akan diteliti. Secara dasar kita mendukung sebarang usaha mengurangkan penggunaan kenderaan peribadi," katanya.

Sementara itu, dalam ciapan di Twitter, Mohamed Azmin berkata, industri aeroangkasa akan diberikan keutamaan bawah RMKe-12, dengan kumpulan kerja teknikal (TWG) khas akan membangunkan kertas strategi lima tahun.

Katanya, TWG itu akan memabitkan penganjur industri, Persatuan Industri Aeroangkasa serta agensi berkaitan.

"Kementerian yakin matlamat ditetapkan dalam Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 untuk menjana hasil aeroangkasa tahunan sebanyak RM55.2 bilion dan mewujudkan lebih 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi di negara ini menjelang 2030 boleh dicapai.

"Kementerian juga mengalu-alukan pelaburan asing dalam industri aeroangkasa sebagai pemangkin menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan terus mengembangkan keupayaan negara dalam kerja penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta pembuatan komponen pesawat," katanya.

Beliau turut menyifatkan ma-

jlis makan malamnya dengan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Ketua Eksekutif NCER, Datuk Seri Jebasingam Issace John dan syarikat terkemuka Ukraine, sebagai produktif dalam membuka potensi industri aeroangkasa negara.

"Makan malam pada malam tadi (kelmarin) membincangkan peneroakan potensi pelaburan daripada syarikat terkemuka di Ukraine untuk membangunkan MRO dan pembuatan komponen pesawat di Kulim," katanya.

Sebelas projek aeroangkasa dengan nilai pelaburan sebanyak RM816.3 juta dan mewujudkan 2,442 pekerjaan baharu sudah di luluskan, tahun lalu.